

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[WOMEN'S INHERITANCE RIGHTS ACCORDING TO SYARAK  
 LAW AND THE DIVISION OF ITS DIVISION ACCORDING  
 TO THE LOCAL CULTUR DYNAMISM]**

**HAK PUSAKA WANITA MENURUT HUKUM SYARAK DAN KEHARUSAN  
 PEMBAGIANNYA MENGIKUT DINAMISME BUDAYA TEMPATAN**

MOHD ANUAR RAMLI<sup>1\*</sup>  
 MOHD HAFIZ JAMALUDIN<sup>2</sup>  
 MOHAMMAD AIZAT JAMALUDIN<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

<sup>2</sup> Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

<sup>3</sup> International Institute for Halal Research and Training (INHART), International Islamic University Malaysia (IIUM).

\*Corresponding author: [mohdanuar@um.edu.my](mailto:mohdanuar@um.edu.my)

Received Date: 9 March 2018 • Accepted Date: 9 Mei 2018

**Abstract**

*The issue of inheritance is constantly being debated especially pertaining to the 2:1 ratio of division between male and female. This article tends to focus on this inheritance polemic in the perspective of Islamic jurisprudence, either the 2:1 portion of man and woman is a rigid allocation, or there are another kind of apportionment that prioritise woman rather than man. It also discusses whether the inheritance rights might change according to the change of socio-cultural context to the equal division for man and woman as an alternative solution for the issue in Malaysian society. In order to achieve this objectives, the researcher had been pursuing a qualitative research which was focusing in library data collection. Result from the research shows that Shari`ah is just enough in handling this particular issue, in the meantime the Malay culture also manage to balance the portion of distribution 2:1 with an alternative solution called musalahah. The 2:1 division is also not a uniform in nature, even there are some other kind of divisions that prioritise woman over man in their inheritance.*

Keywords: Inheritance, Female, Shariah, Gender Inequity, Islamic Law

**Abstrak**

Isu hak pusaka wanita sering diperdebatkan terutamanya melibatkan pembahagian dua nisbah satu (2:1) antara lelaki dan wanita. Artikel ini akan memfokuskan kepada polemik pusaka wanita dari perspektif hukum Islam sama ada nisbah lelaki wanita 2:1 bersifat rigid, atau ada peruntukan lain yang melebihi kaum wanita berbanding lelaki. Artikel ini turut membincangkan sama

ada hak tersebut boleh berubah dengan perubahan sosio budaya masyarakat dan berubah menjadi hak yang sama rata antara lelaki dan wanita serta penyelesaian alternatif kepada isu tersebut dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji telah menjalankan kajian berbentuk kualitatif melalui proses pengumpulan data yang lebih memfokuskan kepada metode kepustakaan dan dianalisis secara diskriptif. Hasil kajian mendapati syariat Islam bersifat adil, dan budaya masyarakat Melayu mampu mengimbangi kadar pembahagian 2:1 dengan penyelesaian alternatif melalui kaedah muafakat (musalahah) dan kadar 2:1 juga tidak bersifat menyeluruh, malah ada kadar yang melebihkan wanita berbanding lelaki.

**Kata kunci:** Harta Pusaka, Wanita, Syariat, Ketidakadilan Gender, Hukum Islam

**Cite as:** Mohd Anuar Ramli, Mohd Hafiz Jamaludin & Mohammad Aizat Jamaludin. 2018. Hak Pusaka Wanita Menurut Hukum Syarak dan Keharusan Pembahagiannya Mengikut Dinamisme Budaya Tempatan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 18 (1): 181-194

## PENGENALAN

Dalam sejarah peradaban silam, kaum wanita tidak mendapat hak yang sewajarnya dalam masyarakat. Hal ini termasuklah penafian hak untuk pemilikan dan kehartaan, malah lebih parah lagi apabila wanita diperlakukan seperti harta serta boleh diwarisi. Dalam amalan masyarakat dunia, terdapat dua bentuk pewarisan harta yang merujuk kepada sistem masyarakat itu sendiri, iaitu sistem bilateral dan unilateral. Masyarakat yang mengamalkan sistem bilateral (*parental*), mereka yang berhak menjadi ahli waris adalah golongan lelaki dan wanita, sedangkan dalam masyarakat yang berasaskan sistem unilateral, hanya golongan lelaki yang berhak mewarisi bagi masyarakat patrilineal, sedangkan bagi masyarakat matrilineal, hanya golongan perempuan mewarisi pusaka.

Pada dasarnya, sistem pewarisan pra-Islam berdasarkan elemen nasab dan sebab. Nasab biasanya dikhususkan kepada golongan lelaki sahaja kerana sumbangan mereka terhadap keselamatan keluarga terutama keterlibatan dalam peperangan serta perebutan kawasan air dan padang ragut. Manakala elemen sebab pula merangkumi sumpah setia dan pengangkatan anak (Maryam al-Daghistani, 2000).

Dengan kedatangan Islam, al-Quran dengan jelas memperuntukkan hak kehartaan kepada kaum wanita seperti mana yang dinyatakan di dalam surah al-Nisa'. Wanita dianggap sebagai berstatus komoditi yang dijadikan barang warisan. Walau bagaimanapun, kedatangan Islam telah memberi pelbagai hak warisan terhadap wanita seperti 1/2, 2/3, 1/3, 1/4, 1/6 dan 1/8 daripada keseluruhan harta warisan. Pembahagian ini pada satu masa dilihat berjaya membebaskan wanita, mengangkat martabat dan kedudukan mereka, akan tetapi, tidak lagi relevan dengan perubahan sosio budaya masa kini.

Pembahagian pusaka wanita yang separuh berbanding lelaki dengan nisbah 1:2 antara wanita dan lelaki dilihat sebagai mesej ketidakadilan gender dalam masyarakat Islam. Timbul juga gesaan agar undang-undang berkaitan faraid dipinda atau dikaji semula kerana dikatakan sebagai ketinggalan zaman dan mendiskriminasi serta menzalimi wanita. Polemik ini timbul kesan perubahan dalam sistem sosial masyarakat Islam, yang berbeza dengan zaman awal penurunan wahyu. Kaum wanita di Nusantara tidak lagi sekadar terlibat dalam ruang domestik

yang sempit, malah mampu bersama kaum lelaki dalam dunia yang lebih luas. Golongan wanita kini juga telah menjadi sebagai pencari nafkah utama, atau pencari nafkah sampingan. Ini kerana berlaku pengabaian terhadap tanggungjawab nafkah lelaki dalam rumah tangga (Zainul Rijal Abu Bakar: 2017).

Selain perubahan sosio budaya, perbezaan sosio budaya antara masyarakat Islam di Timur Tengah dengan masyarakat Islam di Timur, khususnya Nusantara adalah antara faktor menyumbang kepada krisis ketidakrelevanan ini. Kaum wanita Nusantara lebih berdikari dan bersama-sama kaum lelaki mencari rezeki di luar rumah tangga. Mereka tidak melalui proses domestifikasi yang ketat seperti wanita di Timur Tengah (Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Hafiz Jamaludin: 2016).

Sejajar dengan fenomena ini, lahir tuntutan agar hak pewarisan sama rata diberikan antara lelaki dan wanita, dan tuntutan pemansuhan 1:2 turut diwarwarkan dan ia dilihat tidak lagi adil dan relevan dalam konteks semasa (<https://berita.mediacorp.sg>, Diakses pada 9 Oktober 2018.). Tuntutan persamaan ini, walaupun bersifat rasional, namun ia perlu melihat kepada perbincangan hukum Islam, serta asas dalam penetapan hukum tersebut. Ini kerana tidak semua hukum boleh berubah disebabkan berlakunya perubahan sosio budaya masyarakat.

Selain itu, timbul persoalan adakah asas ajaran Islam atau ketetapan nas berkaitan pusaka itu boleh berubah bagi menjamin keadilan gender. Timbul juga persoalan di sini, apakah ajaran Islam yang tidak menjamin keadilan gender, atau konstruksi sosio budaya yang tidak Islamik menyebabkan ketidakadilan gender. Persoalannya, yang mana satu perlu diubah dan dipinda bagi menjamin keadilan gender? Sama ada ketetapan nas yang *rigid* atau struktur dan sistem masyarakat yang diskriminatif terhadap wanita perlu dirombak.

Sehubungan dengan itu, sebagai satu sistem hidup yang komprehensif, syariat Islam telah memberikan panduan yang holistik. Amalan dalam kehidupan masyarakat Islam perlu dilihat secara integratif, bukan terpisah antara satu sama lain. Hak kehartaan ini hakikatnya berkait rapat dengan tanggungjawab nafkah kekeluargaan. Kelebihan hak berimbang dengan kelebihan tanggungjawab memberi nafkah kepada isteri, anak-anak, ibu bapa, saudara-saudara wanita dan saudara-saudara lelaki yang masih belum mampu mencari nafkah sendiri. Justeru, kelebihan hak secara matematik tersebut (1:2), berimplikasi kepada kewajipan dan tanggungjawab berbentuk kehartaan yang perlu ditanggung oleh lelaki terhadap wanita. Jumlah ini juga bersesuaian dengan tanggung jawab minimum yang diperuntukkan kepada wanita. Ini adalah asas yang ditetapkan Islam walaupun dari perkiraan matematikanya tidak sama (Wan Abdul Halim, 2011).

## **PEWARISAN DALAM SYARIAT ISLAM**

Dalam perbincangan fiqah klasik mahupun kontemporari, persoalan pewarisan tidak banyak berbeza sama ada dari aspek senarai ahli waris atau nisbah yang diterima oleh lelaki dan wanita. Persamaan dalam hukum ini timbul kerana ketetapan yang berhubung dengan pewarisan kebanyakannya berasaskan nas al-Qur'an dan al-Sunnah.

Dalil-dalil daripada al-Qur'an berhubung pusaka terdapat di dalam satu surah sahaja iaitu surah al-Nisā' melalui ayat 7, 11, 12 dan 176. Asas hukum pusaka dapat dilihat dalam firman Allah SWT:

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَدَرْنَا مِثْلَ الَّذِي لَهُ لَئِن كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُوا أَمْرَهُ وَتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَخْتَارُ مَا يَشَاءُ لِيُخْبِرَ الَّذِينَ يَحِبُّونَهُ وَأَنَّ اللَّهَ يَخْتَارُ لِمَن يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (٧)

*Ertinya: Orang lelaki ada bahagian dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya, dan bagi orang wanita ada bahagian (juga) dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah).*

(Al-Nisa' 4: 7)

Dalam ayat lain, Allah SWT telah berfirman:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ فَإِن كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِن لَّمْ يَكُن لَّهُ وَلَدٌ وَوَرِثُهُ أَبَوَاهُ فَلِلْمِثْلِ الثُّلُثُ فَإِن كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِلْأُمَّه السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَعْمًا فَارِضَةٌ مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا (١١)

*Ertinya: Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai dengan bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak perempuan itu lebih dari dua orang, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati; jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya separuh harta itu. Dan bagi ibubapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya mendapat seperenam dari harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak. Tetapi jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibubapanya (sahaja), ibunya mendapat bahagian sepertiga. Jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, maka ibunya mendapat seperenam.*

(Al-Nisa' 4: 11)

Namun begitu, dalam perkembangan semasa, isu pewarisan menjadi polemik hangat dalam wacana gender. Fenomena ini timbul kerana perubahan sosio budaya masyarakat masa kini yang berbeza dari masyarakat zaman penurunan wahyu. Hal ini kerana, kebanyakan kaum wanita dewasa ini tidak lagi tinggal di rumah sahaja, malah terlibat bersama-sama dan kadangkala berseorangan mencari nafkah keluarga. Perubahan fungsi dan tanggungjawab wanita tersebut memerlukan penilaian semula terhadap hukum-hukum Islam.

Dengan kata lain, kaum wanita sama-sama terlibat dalam muamalah harian di luar rumah. Justeru, berdasarkan perkiraan matematik, nisbah lelaki kepada wanita 2:1 seolah-olahnya tidak lagi relevan dan tidak menjamin keadilan kepada kaum wanita. Merujuk kepada kedudukan agama Islam yang merupakan agama yang sangat adil, timbul persoalan, sejauh mana perubahan dapat dilakukan terhadap *fiqh al-fara'id* kerana terdapat asas bagi mencadangkan atau mengemukakan satu hukum permasalahan faraid pada zaman moden ini. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut perlu mengambil kira bahawa kebanyakan ketetapan dan nisbah dalam pembahagian harta pusaka telah disebut secara jelas oleh nas-nas Al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW.

## PERUNTUKAN 1:2 MENURUT PERSPEKTIF MUFASSIR

Merujuk kepada ayat 11, surah al-Nisa', para *mufassir* klasik bersepakat dalam penerimaan nisbah 2:1 antara lelaki dan wanita. Ini kerana ayat tersebut secara jelas menunjukkan nisbah tersebut. Selain itu, majoriti para *mufassir* kontemporari juga menerima pembahagian mengikut nisbah tersebut. Namun begitu, masih terdapat segelintir yang memberikan tafsiran yang berbeza. Perbezaan ini bersandarkan kepada pentafsiran yang menggunakan tema 'keadilan gender' atau '*gender equality*'. Pentafsiran seperti ini agak kontradik dengan majoriti *mufassirin* yang masih bertegas dengan nisbah 1:2.

*Mufassir* seperti al-Tabari (2001) dan Abduh & Rida (1947) menyatakan formula 2:1 tidak bersifat diskriminasi terhadap wanita dan tidak menunjukkan status inferior wanita berbanding lelaki. Formula itu adalah berasaskan keadilan timbal balik (*reciprocal*) di antara hak dan kewajiban kerana lelaki bertanggungjawab terhadap urusan kewangan dan nafkah (Rida: 1948; Yanggo: 2001). Manakala al-Razi berpendapat nisbah yang berbeza tersebut disebabkan kaum lelaki lebih sempurna akhlaknya, akalunya, agamanya berbanding wanita. Bahkan wanita disifatkan sebagai kurang akal dan banyak keinginan serta boleh menjerumuskan kepada kerosakan (al-Razi, tt). Pandangan ini telah ditolak oleh „Abduh dan Rida (1947). Menurut al-Qaradawi, kelebihan ini bukannya disebabkan lelaki lebih mulia dari wanita, sebaliknya ia selari bersama pertambahan tanggungjawab (al-Qaradawi, 1996).

Dalam rangka menampilkan tafsiran yang 'keadilan gender', Amina Wadud menekankan pembahagian yang dibuat perlu mengambilkira manfaat dan keadilan terhadap ahli waris (Wadud: 1992). Manakala Muhammad Syahrur (1994) dalam bukunya *al-Kitab wa al-Qur'an* menegaskan ayat pewarisan 2:1 tersebut adalah batasan minimum (*al-hadd al-adna*) bagi wanita dan batasan maksimum (*al-hadd al-a'la*) bagi lelaki dalam konteks tersebut. Batasan ini boleh disesuaikan berdasarkan keadaan ekonomi, tanggung jawab keluarga, suasana tempat atau masa tertentu. Ia juga boleh berubah sehingga ke tahap pembahagian harta pusaka menjadi sama rata. Lontaran penyelesaian ini diterima baik kalangan golongan feminis dalam mencari tafsiran yang beorientasikan keadilan gender, tetapi ditolak oleh para ulama kontemporari.

Surah al-Nisa ayat ke-11 jelas menyatakan bahawa bahagian waris seorang lelaki sama dengan bahagian dua orang wanita. Ayat ini secara zahir menunjukkan ketidakadilan, kerana bahagian anak perempuan berbeza dari anak lelaki, sekalipun kedua-duanya merupakan anak-anak kandung seibu sebapa. Namun, ketika diperhatikan ayat yang menyatakan bahawa kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pelindung bagi kaum wanita disebabkan kaum lelaki diwajibkan memberi nafkah kepada kaum wanita (Q.S. al-Nisa' (4): 34), maka wanita mendapat bahagian setengah dari lelaki boleh dilihat sebagai adil dari sudut nisbah ini. Pendek kata, perbezaan ini adalah implikasi daripada kelainan dalam tanggungjawab dan bebanan kewangan yang diwajibkan kepada lelaki dan wanita (al-Qaradawi, 1996).

## AMALAN PEMBAHAGIAN PUSAKA DALAM MASYARAKAT NUSANTARA

Menurut Wazeer Jahan Karim (1995), bentuk penting sistem masyarakat Asia Tenggara adalah bilateral yang bermaksud kedudukan dan peranan kaum wanita adalah sama dengan kaum lelaki. Ini merupakan dinamisme adat Melayu ketika berinteraksi dengan syariat Islam. Kaum

wanita terdedah kepada adat Melayu yang mengiktiraf kedudukan wanita sedangkan kaum lelaki terdedah dengan syariat Islam yang dibawa oleh kelompok patriaki, walaupun Islam pada asasnya memperakui hak-hak wanita. Proses sintesis antara pengamalan adat dan syariah menghasilkan anjakan pada pembinaan gender (*shifting construction of gender*) sehingga melahirkan masyarakat bilateral.

Namun begitu, dari perspektif hukum Islam, interaksi antara syariat dan adat merupakan proses biasa dalam pemurnian amalan budaya masyarakat setempat dengan ajaran Islam sekalipun dilihat mempunyai konflik pada peringkat awal interaksi tersebut. Malah, dalam perundangan Islam, adat dan *'urf* sememangnya diterima sebagai salah satu sumber perundangan dan bersesuaian dengan kaedah *fiqah al-adat muhakkamah*, iaitu adat boleh dijadikan sebagai hukum (Al-Bahisin, 2011). Dengan kata lain amalan yang baik dan tidak bertentangan dengan syariat Islam akan diterima dalam perundangan Islam. Manakala amalan yang buruk dan bertentangan dengan ajaran Islam akan dimansuhkan. Tahap interaksi antara syariat dengan adat masyarakat Melayu ini telah berlangsung dalam satu tempoh masa yang panjang (Mohd Anuar Ramli, 2006). Fenomena ini dapat dilihat dalam berbagai penyelesaian yang diamalkan oleh adat masyarakat Melayu.

Dalam sejarah kebudayaan Melayu, antara kaedah penyelesaian terhadap ketidakseimbangan hak wanita dengan lelaki, para ulama telah menerima pendekatan alternatif *musalahah* atau *al-tasaluh* (rundingan damai) secara sukarela bagi memberi keseimbangan dalam bahagian pusaka (Amir Mu'allim Yusdani, 2004). Ia dikenali sebagai pembahagian secara muafakat. Saudara lelaki dengan rela akan melepaskan hak untuk dibahagi sama rata dengan saudara wanita. Pendekatan muafakat atau *musalahah* ini tidak bercanggah dengan syariat kerana ia melibatkan pemberian dan pelepasan hak secara rela. Ia berbeza dengan pendekatan *sulh* yang berimplikasikan *'aqad mu'awadah*, iaitu perlepasan hak dengan bayaran tertentu (Samhan, 2006; Marwan Qadumi, 2010).

Menurut Quraish Shihab, secara dasarnya, jika seluruh ahli waris bersetuju untuk melepaskan hak dan membahagikan menurut nisbah yang tertentu, maka ia adalah perkara yang dibenarkan. Namun sekiranya terdapat salah seorang daripada kalangan ahli waris yang tidak bersetuju, maka pembahagiannya mesti dilaksanakan berdasarkan tuntutan agama. Walaupun begitu, jika pembahagian secara sama rata itu berpunca daripada anggapan bahawa kadar pembahagian yang ditetapkan oleh Allah SWT itu tidak adil atau salah, maka pelakunya boleh dihukumkan sebagai murtad. Hal ini kerana, dia telah menolak satu ketetapan hukum yang bersifat *qat 'I* daripada Allah SWT (Muhammad Quraish Shihab, 2004).

Selain itu, ulama Melayu turut mengiktiraf instrumen Harta Perpantangan atau Harta Sepencarian sebagai medium membentuk keseimbangan dan keadilan sosial dalam masyarakat Melayu (Mohd Anuar Ramli, 2010). Menurut ketetapan syarak, hak ibu hanyalah 1/8 sekiranya mempunyai anak, dan 1/4 sekiranya tiada anak, namun pembahagian ini masih tidak dapat memenuhi keperluan sara hidup bagi ibu. Peruntukan yang ditetapkan oleh syariat ini adalah bersesuaian dengan sistem jaminan kekeluargaan Islam (*nizam al-takaful al-'a'ili al-Islami*), iaitu tanggungjawab nafkah ibu dan saudara perempuan adalah di bawah bebanan anak-anak lelaki dan saudara lelaki (Salah al-Din Sultan, 1999b). Namun, kadangkala ajaran Islam yang ideal tidak selari dengan realiti amalan yang berlaku dalam masyarakat. Para ibu dan saudara perempuan diabaikan dan perlu mencari nafkah sendiri untuk meneruskan kelangsungan hidup (*survival*). Oleh itu, alternatif Harta Sepencarian ini telah diterima dalam masyarakat

Nusantara.

Dalam budaya masyarakat Melayu, kaum wanita telah terlibat secara aktif dalam sektor ekonomi. Kajian-kajian yang telah dijalankan Firth (1966), Strange (1973, 1980, 1981), Maeda (1974), Kuchiba et al. (1979), O'Brien (1979, 1983) dan Manderson (1980), mendapati golongan wanita dalam masyarakat Melayu tidak mengalami subordinasi sosial dan domestifikasi, sebaliknya turut berperanan bersama-sama golongan lelaki membanting tulang dalam mencari rezeki.

Secara umumnya, dalam amalan pembahagian pusaka masyarakat Nusantara, terdapat beberapa bentuk pewarisan yang berasaskan undang-undang adat. Sebahagian daripadanya mengutamakan jalur keturunan bapa, manakala sebahagian yang lain mengutamakan jalur ibu atau mengambil kira kedua-dua golongan. Sebagai contohnya adalah seperti berikut:

- a) Di Minangkabau: Golongan lelaki tidak menjadi ahli waris bagi pusaka tinggi. Bapa hanya mewariskan atau menghibahkan harta pencariannya sahaja kepada anak-anak.
- b) Di Tapanuli: Golongan wanita tidak menjadi ahli waris.
- c) Di Sabu: Anak perempuan mendapat warisan dari ibunya, anak lelaki dari bapanya.
- d) Di Makassar: Golongan lelaki dan wanita mendapat jumlah harta yang sama rata. Anak lelaki akan mendapat harta berbentuk sawah dan kebun, manakala, anak perempuan akan mendapat rumah, hiasan dan peralatan wanita. Sekiranya jumlah harta tersebut tidak sama, ia akan dijual dan dibahagi sama rata (Abu Hamid, 2005).

Selain pembahagian pusaka secara adat, terdapat beberapa bentuk pembahagian alternatif yang dilakukan dalam amalan dan tradisi masyarakat Melayu selain dari kaedah faraid dan muafakat. Pendekatan ini dilakukan sebagai simbol kasih sayang terhadap anak-anak tanpa mengira perbezaan jantina. Sebagai contoh, hibah kepada anak perempuan sebelum ibu bapa meninggal. Melalui amalan hibah ini, hak kehartaan anak perempuan dan lelaki akan menjadi seimbang selepas pembahagian harta pusaka.

Dalam usaha untuk merealisasikan hukum Islam di Indonesia, Munawir Syadzali yang mempertimbangkan perubahan sosio budaya dalam masyarakat dan berdasarkan pengalamannya yang khusus telah mengajukan rumusan baru 1:1, iaitu anak lelaki dan wanita akan mendapat warisan yang sama. Pandangan beliau bersandarkan kepada konsep *al-Maslahah* di sisi al-Tufi (m. 716H) iaitu sekiranya berlaku pertentangan di antara nas dengan *maslahah*, maka pandangan yang berdasarkan *maslahah* yang akan dipilih (A. Qodri Azizy, 2003). Pandangan beliau ini telah menimbulkan banyak kontroversi sehingga ramai pihak yang tidak berpuas hati dan menolak pandangan beliau kerana mengetepikan ketetapan nas-nas syarak yang jelas (Yudian Wahyudi, 2007).

## **REALITI HAK PUSAKA WANITA DALAM ISLAM**

Keadilan dalam Islam perlu dilihat secara menyeluruh. Ini kerana dalam aspek kehartaan, hak pusaka adalah selari dengan tanggungjawab nafkah. Secara idealnya, seorang anak lelaki apabila dia berkahwin, maka harta warisan yang diperolehi dari orang tuanya akan digunakan untuk membayar mahar dan nafkah isterinya. Kemudian apabila dikurniakan anak, harta

tersebut akan digunakan untuk membiayai anak-anaknya (Mustafa 'Asyur, 1988). Hal ini berbeza dengan seorang anak perempuan yang tidak mempunyai sebarang tanggung jawab kewangan (Badre Alam Khan, 2005). Apabila seorang anak perempuan berkahwin, harta warisan yang diperolehi dari orang tuanya tidak perlu digunakan kerana dia berhak mendapat nafkah dan mahar dari suaminya (Busthanul Arifin, 1996). Anak perempuan juga tidak dipertanggungjawabkan untuk memberi nafkah kepada ahli keluarganya berbanding dengan tanggungjawab sebagai seorang anak lelaki (Afsar Bano, 2003). Namun realiti kehidupan dalam zaman moden ini, masih terdapat lelaki yang tidak menunaikan tanggungjawab nafkah sepenuhnya seperti mana yang ditetapkan oleh syarak. Bahkan, berlaku pengabaian terhadap si ibu atau saudara perempuan sehingga mereka perlu mencari nafkah untuk kelangsungan hidup tanpa bantuan daripada suami, anak ataupun saudara lelaki.

Walaupun begitu, perbezaan kadar pembahagian yang ditetapkan syariat ini bukan kerana simbolik inferior wanita dengan dakwaan stereotaip gender seperti lemah akal, emosi, boros dan tidak pandai menguruskan harta, sebaliknya dalam beberapa keadaan lain, anak perempuan akan dapat kadar hak yang sama, malah, dalam sesetengah keadaan boleh melebihi apa yang diperolehi anak lelaki. Pembahagian dengan nisbah lelaki wanita 2:1 juga bukanlah bersifat standard (*uniform*) dalam semua keadaan (Jasni Sulong, 2006). Dalam permasalahan tertentu, bahagian wanita adalah sama seperti lelaki (Muhammad Mutawalli Sya'rawi, tt). Contohnya:

- a) Bahagian kedua ibu bapa adalah sama iaitu (1/6) sekiranya si mati mempunyai anak (Muhammad Abu Zahrah, tt). Pembahagian ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

*Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya, satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak.*

(Al-Nisa' 4: 11)

- b) Bahagian saudara lelaki seibu dengan saudara perempuan seibu satu per enam (1/6), dalam keadaan mereka mewarisi dari saudara mereka sekiranya tiada ibu bapa atau anak. Firman Allah SWT bermaksud:

*Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau wanita, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara wanita (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu per enam.*

(Al-Nisa 4: 12)

Dalam keadaan lain, bahagian wanita lebih tinggi daripada lelaki. Contohnya:

- a) Sekiranya seorang wanita meninggal dunia dan dia meninggalkan suami, ibunya, dua orang saudara lelaki seibu sebapa, seorang saudara perempuan seibu. Dalam keadaan ini, saudara perempuan seibu mendapat 1/6, manakala dua orang saudara lelaki seibu sebapa perlu berkongsi bahagian 1/6.

- b) Sekiranya seorang wanita meninggal dunia dan dia meninggalkan suami, saudara perempuan seibu sebapa, saudara lelaki sebapa. Dalam keadaan ini, suami mendapat 1/2, saudara perempuan seibu sebapa mendapat separuh baki selepas bahagian suami, dan saudara lelaki sebapa tidak mendapat warisan kerana '*asabah* dan tiada baki. Sekiranya di tempat saudara lelaki itu diganti dengan saudara perempuan, dia akan mendapat 1/6 yang dikembalikan kepadanya (*al-'awl*) (Muhammad al-Syahhat al-Jundi, tt).

Salah al-Din Sultan (1999) pula telah mengklasifikasikan permasalahan-permasalahan



tersebut dengan lebih terperinci, iaitu:

**i) Hak wanita hanya separuh berbanding lelaki dalam empat keadaan:**

- a. Ketika waris adalah anak perempuan bersama dengan anak lelaki. Pada ketika ini, anak perempuan akan mendapat satu bahagian dan anak lelaki mendapat dua bahagian.
- b. Ketika waris adalah bapa bersama dengan ibu dan si mati tidak ada anak-anak, suami mahupun isteri. Maka bapa mendapat  $\frac{2}{3}$  dan ibu mendapat  $\frac{1}{3}$ .
- c. Ketika waris adalah saudara perempuan si mati yang seibu dan sebapa ataupun sebapa, bersama dengan saudara lelaki seibu dan sebapa atau sebapa. Maka, saudara perempuan seibu sebapa akan mendapat satu bahagian dan saudara lelaki seibu sebapa mendapat dua bahagian.
- d. Ketika dalam keadaan-keadaan nisab yang telah ditetapkan wanita  $\frac{1}{2}$  berbanding lelaki, iaitu dalam kes waris adalah suami atau isteri sama ada bersama mereka anak ( $\frac{1}{4}$ - $\frac{1}{8}$ ) ataupun tiada anak ( $\frac{1}{2}$ - $\frac{1}{4}$ ).

**ii) Hak wanita sama seperti lelaki dalam lima keadaan, iaitu:**

- a. Dalam keadaan waris adalah bapa ( $\frac{1}{6}$ ) bersama dengan ibu ( $\frac{1}{6}$ ) dan si mati mempunyai seorang anak lelaki, atau dua orang anak perempuan atau lebih, ataupun seorang anak perempuan dalam kes-kes tertentu (iaitu apabila si mati tersebut adalah perempuan dan meninggalkan suami, ibu, bapa dan anak perempuan).
- b. Dalam keadaan waris adalah saudara perempuan seibu bersama dengan saudara lelaki seibu dalam semua keadaan.
- c. Masalah *Musyarakah* iaitu apabila si mati meninggalkan suami, ibu, dua orang saudara perempuan seibu dan seorang saudara lelaki seibu sebapa. Dalam masalah yang masyhur dalam ilmu faraid ini, dua orang saudara perempuan seibu dan saudara lelaki seibu sebapa akan berkongsi  $\frac{1}{3}$  daripada harta peninggalan si mati menurut mazhab Syafie.
- d. Dalam keadaan si mati meninggal seorang waris sahaja sama ada waris lelaki atau waris perempuan, ini kerana, waris lelaki akan mengambil seluruh harta yang ditinggalkan oleh si mati iaitu secara '*asabah*', dan waris wanita akan dapat semua harta secara *radd*. Maka jumlah harta yang diwarisi adalah sama, tidak berbeza di antara lelaki ataupun wanita.
- e. Dalam keadaan-keadaan lain:
  - Sama jumlah harta yang diwarisi oleh saudara perempuan seibu sebapa dengan saudara lelaki seibu sebapa iaitu dalam masalah si mati meninggalkan suami dan seorang saudara lelaki seibu sebapa dan juga dalam masalah si mati meninggalkan seorang suami dan seorang saudara perempuan seibu dan sebapa.
  - Sama jumlah harta yang diwarisi oleh saudara perempuan seibu dengan saudara lelaki seibu-sebapa tanpa ada perkongsian iaitu dalam masalah si mati meninggalkan suami, ibu, saudara perempuan seibu dan saudara lelaki seibu sebapa.
  - Bilangan waris lelaki dan waris wanita yang pasti akan mendapat harta pusaka (tidak mahjub atau terhalang selamanya daripada pusaka) adalah sama iaitu tiga golongan daripada kalangan lelaki (suami, anak lelaki dan bapa) dan tiga golongan daripada wanita (isteri, anak perempuan dan ibu).

**iii) Hak wanita dalam harta pusaka secara pembahagian lebih banyak daripada lelaki:**

- a. Waris wanita yang mendapat  $\frac{2}{3}$  lebih banyak bahagiannya daripada waris lelaki mendapat 'asabah, dalam kes-kes yang tertentu seperti si mati meninggalkan suami ( $\frac{1}{4}$ ), bapa ( $\frac{1}{6}$  bersama 'asabah), ibu ( $\frac{1}{6}$ ) dan dua orang anak perempuan ( $\frac{2}{3}$ ). Dalam masalah yang lain sekiranya si mati meninggalkan suami, bapa, ibu dan dua orang anak lelaki, kedua-dua anak lelaki ini akan mendapat 'asabah. Cuma pembahagian sebenar yang dia peroleh hanya  $\frac{5}{12}$  sahaja, lebih sedikit daripada bahagian yang diperolehi oleh dua orang anak perempuan dalam masalah sebelumnya ( $\frac{2}{3}$  atau  $\frac{8}{12}$ ).
- b. Waris wanita yang mendapat  $\frac{1}{2}$  lebih banyak bahagiannya daripada waris lelaki mendapat 'asabah, dalam kes-kes tertentu. Contohnya, dalam masalah si mati meninggalkan suami ( $\frac{1}{4}$ ), bapa ( $\frac{1}{6}$  bersama 'asabah), ibu ( $\frac{1}{6}$ ) dan anak perempuan ( $\frac{1}{2}$ ). Dalam masalah yang hampir sama iaitu si mati meninggalkan suami, bapa, ibu dan anak lelaki, anak lelaki akan mendapat 'asabah, tetapi pembahagiannya yang sebenar hanyalah  $\frac{5}{12}$  sedangkan anak perempuan menerima  $\frac{1}{2}$  atau  $\frac{6}{12}$ .
- c. Waris wanita yang mendapat  $\frac{1}{3}$  kadang-kadang lebih besar bahagiannya berbanding lelaki yang mendapat 'asabah, dalam kes-kes tertentu. Contohnya, si mati meninggalkan isteri, ibu, dua orang saudara perempuan seibu dan dua orang saudara lelaki seibu sebapa. Dua orang saudara perempuan seibu akan mendapat  $\frac{1}{3}$ , manakala dua orang saudara lelaki seibu sebapa akan mendapat 'asabah atau tambahan  $\frac{1}{4}$  sahaja.
- d. Waris wanita yang mendapat  $\frac{1}{6}$  kadang-kadang lebih besar bahagiannya berbanding lelaki yang mendapat 'asabah, dalam kes-kes tertentu. Contohnya, si mati meninggalkan suami, ibu, saudara perempuan seibu dan dua orang saudara lelaki seibu sebapa. Saudara perempuan seibu akan mendapat  $\frac{1}{6}$ , manakala dua orang saudara lelaki seibu sebapa akan mendapat 'asabah atau  $\frac{1}{6}$  sahaja yang perlu dikongsi dengan dua orang. Jadi setiap seorang akan mendapat  $\frac{1}{12}$  sahaja, sedangkan saudara perempuan seibu akan mendapat  $\frac{1}{6}$ .

**iv) Waris wanita sahaja yang mewarisi sedangkan waris lelaki yang setaraf dengannya tidak mewarisi:**

- a. Sebagai contoh si mati meninggalkan suami, bapa, ibu, anak perempuan dan cucu perempuan. Cucu perempuan akan mendapat  $\frac{1}{6}$  dalam masalah ini. Dalam masalah lain, sekiranya si mati meninggalkan suami, bapa, ibu, anak perempuan dan cucu lelaki. Cucu lelaki akan mendapat 'asabah. Walau bagaimanapun, dia tidak mendapat sebarang harta kerana waris-warisan yang lain (suami, bapa, ibu, anak perempuan) telah mengambil bahagian-bahagian masing-masing dan tidak terdapat sebarang baki kepada cucu lelaki yang mendapat 'asabah. Masalah pertama menunjukkan waris wanita (cucu perempuan) masih mendapat bahagian  $\frac{1}{6}$  sedangkan dalam masalah kedua waris lelaki (cucu lelaki) tidak mendapat bahagian walaupun kedua-duanya sama taraf iaitu cucu si mati.
- b. Perkara ini juga boleh dilihat berlaku dalam hukum pewarisan bagi nenek. Dalam masalah penentuan datuk yang sah dan penentuan nenek yang sah dari aspek ilmu perwarisan. Penentuan datuk yang sah adalah datuk yang tidak diselangi pada nasabnya

ibu. Ini bermakna ayah kepada ibu digelar sebagai datuk yang *fasid* (tidak boleh menerima pusaka). Sedangkan nenek yang *fasid* hanya berlaku apabila diselangi pada nasabnya datuk yang *fasid* terlebih dahulu. Ini menunjukkan golongan nenek yang mewarisi harta, lebih ramai daripada golongan datuk yang mewarisi harta (Salah al-Din Sultan, 1999).

Penjelasan di atas menunjukkan kepelbagaian yang wujud dalam pembahagian harta pusaka dalam Islam. Ia juga menggambarkan keadilan syariat Islam kerana ia tidak bersifat statik dalam menetapkan hak lelaki dan wanita. Sesuai dengan prinsip keadilan iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya, kelebihan dan kekurangan dalam pembahagian harta pusaka adalah bertimbang-balik dengan faktor tanggungjawab.

Justeru, sistem pewarisan Islam dengan nisbah 2:1 di antara lelaki dan wanita walaupun secara matematik dilihat tidak adil, tetapi ia perlu dilihat sebagai saksama dari sudut tanggungjawab yang terpikul dalam sistem kekeluargaan Islam. Tanggungjawab nafkah sebagai sistem jaminan kekeluargaan (*al-takaful al-'a'ili*) terhadap para wanita sama ada anak perempuan dan susur galur ke bawah, isteri, saudara wanita, ibu dan ke atas adalah merupakan satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan sempurna oleh golongan lelaki (Muhammad Mutawalli Sya'rawi, tt).

## KESIMPULAN

Syariat Islam telah menggariskan panduan yang lengkap dalam mengatur hubungan antara manusia sesama manusia, begitu juga sesama gender, lelaki dan wanita. Dalam hukum berkaitan dengan pusaka wanita, tiada ketetapan hukum yang berasaskan nas dapat diubah, khususnya berkaitan dengan pembahagian dalam nisbah 2:1. Ini kerana, ia jelas diterangkan oleh nas dan tiada ruang untuk ijtihad bagi perkara yang bersifat *qat'i al-dilalah*. Berdasarkan fakta ini, perubahan sosio budaya dan sosio historis dalam konteks masyarakat semasa tidak menyebabkan berlakunya perubahan hukum kerana ia tidak dibina berdasarkan adat dan *'urf* masyarakat, sebaliknya adalah ketetapan nas Syarak.

Dalam konteks ini, ayat al-Qur'an yang bersifat abadi selamanya tidak dapat diubah untuk menyamaratakan pembahagian tersebut menjadi 1:1. Namun, ia kembali kepada prinsip tolak ansur dalam kalangan ahli waris khususnya saudara lelaki untuk melepaskan haknya dan dibahagikan sama rata kepada wanita. Pendekatan berasaskan muafakat ini telah lama diamalkan dalam masyarakat Melayu. Ia juga menunjukkan pendekatan toleransi syariat Islam dalam berhadapan dengan perubahan sosio budaya, adat tradisi dan amalan budaya masyarakat setempat. Ini sudah pasti mengangkat kedudukan hukum Islam yang secara umumnya sesuai pada setiap tempat dan masa.

Selaras dengan itu, persoalan ketidakadilan gender dalam hak pusaka sebenarnya bukan berasaskan ketetapan 2:1 tersebut, sebaliknya ia bersumberkan kepada amalan sosio budaya masyarakat. Masyarakat, khususnya golongan lelaki, perlu kembali kepada asas yang ditetapkan dalam Islam untuk memikul tanggungjawab nafkah hasil daripada kelebihan yang dikurniakan Allah SWT kepada dirinya. Ini kerana, kelebihan hak dalam pewarisan itu, berhubung kait dengan tanggungjawab nafkah dalam rumah tangga, bukan berasaskan kelebihan akal dan kekuatan fizikal dan emosi.

Justeru itu, perbezaan nisbah 2:1 ini sengaja diperbesar-besarkan sama ada oleh orientalis mahupun golongan feminis, sedangkan hakikatnya dalam pembahagian harta pusaka

umumnya tidak melibatkan kes yang serupa pada setiap masa. Terdapat beberapa keadaan dalam permasalahan faraid yang menunjukkan lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama rata, malah, kadangkala wanita mempunyai hak yang lebih tinggi berbanding lelaki, walau bagaimanapun tidak dijelaskan dan dihebahkan kepada umum. Justeru, berasaskan fakta tersebut, sangat tidak adil untuk menjadikan nisbah 2:1 semata-mata sebagai asas untuk membuat tuduhan diskriminasi gender yang berlaku dalam permasalahan-permasalahan pembahagian pusaka menurut perspektif Islam.

## RUJUKAN

- ‘Abduh, Muhammad & Rida, Muhammad Rasyid. (1947). *Tafsir al-Manar*. Kaherah: Dar al-Manar.
- ‘Asyur, Mustafa. (1988). *‘Ilm al-Mirath*. Kaherah: Maktabah al-Qur’an.
- A. Qodri Azizy. (2003). *Reformasi Bermazhab*. Bandung: Teraju Mizan.
- Al-Bahisin, Ya’qub bin Abdul Wahab. (2011). *Al-Mufassshal Fi Al-Qawâ’id Al-Fiqhiyyah*. T.tp: Dar al- Tadammuriyah.
- Abu Hamid. (2005). *Syeikh Yusuf Makassar: Seorang Ulama, Sufi dan Pejuang*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Abu Zahrah, Muhammad. (t.t.). *Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Amir Mu’allim Yusdani. (2004). *Ijtihad dan Legislasi Muslim Kontemporer*. Yogyakarta: UII Press.
- Bano, Afsar. (2003). *Status of Women in Islamic Society*. New Delhi: Anmol Publications.
- Busthanul Arifin. (1996). *Perlembagaan Hukum Islam di Indonesia: Akar Sejarah, Hambatan, dan Prospeknya*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Daghistani, Maryam Ahmad al-. (2000). *Al-Mawarith fi al-Syari‘ah al-Islamiyyah*. Kaherah: t.p.
- Fakhr al-Din, Muhammad al-Razi. (t.t.). *Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Firth, Raymond William. (1966). *Malay Fishermen: Their Peasant Economy*. London: K. Paul, Trench & Trubner.
- Huzaemah T. Yanggo. (2001). *Fiqh Perempuan Kontemporer*. Jakarta: al-Mawardi Prima.
- Jasni Sulong. (2006). Kedudukan Wanita dalam Pembahagian Pusaka. *Jurnal Syariah*. 14(2): 121- 143.
- Jundi, Muhammad al-Syahhat al-. (t.t.). *Al-Mirath Fi Al-Syari‘Ah Al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Kato, Tsuyoshi et al., (2005). *Adat Minangkabau dan Merantau Dalam Perspektif Sejarah*. Jakarta: PT Balai Pustaka.
- Khan, Badre Alam. (2005). *Economic Rights of Women under Islamic Law and Hindu Law*. New Delhi: Adam Publishers.
- Kuchiba, Masuo et al., (1979). *Three Malay Villages: a Sociology of Paddy Growers in West Malaysia*. (Terj.) Peter Hawkes & Stephanie Hawkes. Honolulu: University Press of Hawaii.
- Maeda, Narifumi. (1974). *The Changing Peasant World in a Melaka Village: Islam and*

- Democracy in the Malay Tradition*. Tesis Ph.D. Illinois, USA: University of Chicago.
- Manderson, Lenore. (1980). *Women, Politics and Change: The Kaum Ibu UNMO 1945-1972*. Oxford: Oxford University Press.
- Mohd Anuar Ramli. (2010). Pemikiran Mesra Gender dalam Karya Fiqh Ulama Klasik. *Jurnal Syariah*. 18(2): 277-298.
- Mohd Anuar Ramli. (2006). Islamisasi di Tanah Melayu: Analisis Terhadap Proses Interaksi Antara Adat dan Syariah Islam. dalam Hashim Awang et al. (eds.). *Wacana Budaya*. , Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, UM.
- Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Hafiz Jamaludin. (2016). Harta Sepencarian vs Harta Perkahwinan dalam Perundangan Sivil: Satu Sorotan Ringkas. *Al-Basirah*. 6(1): 79-96.
- Muhammad Quraish Shihab. (2004). *Mistik, Seks, dan Ibadah*. Penerbit Republika. Jakarta.
- O'Brien, Leslie Nola, (1979). *Class, Sex and Ethnic Stratification in West Malaysia: with Particular Reference to Women in the Professions*. Tesis Ph.D. Melbourne: Monash University.
- O'Brien, Leslie Nola. (1983). Four Paces Behind: Women's Work in Peninsular Malaysia. Dalam Lenore Manderson (ed.). *Women's Work And Women's Roles: Economics and Everyday Life in Indonesia, Malaysia, and Singapore*. Canberra: Australian National University.
- Qadumi, Marwan. (2010). *Al-Sulh Bi Tariq Al-Takharuj Fi Al-Mirath*. Majallah Jami'ah al-Najah li al- Abhath (al-'Ulum al-Insaniah). 24(1): 305-331.
- Qaradawi, Yusuf al-. (1996). *Markaz al-Mar'ah fi al-Hayat al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Rida, Muhammad Rasyid. (1948). *Nida' li al-Jins al-Latif: Huquq al-Nisa' fi al-Islam*. Beirut: al- Maktab al-Islami.
- Strange, Heather. (1980). Some Changing Socioeconomic Roles of Village Women in Malaysia. dalam Sylvia A. Chipp & Justin J. Green (eds.). *Asian Women in Transition*. Pennsylvania: Pennsylvania State University Press.
- Strange, Heather. (1981). *Rural Malay Women in Tradition and Transition*. New York: Praeger.
- Strange, Heather. (1973). *The Weavers of Rusila: Working Women in a Malay Village*. Ann Arbor, Michigan, USA: University Microfilms.
- Sultan, Salah al-Din. (1999). *Mirath al-Mar'ah wa Qadiyyah al-Musawat*. Kaherah: Nahdah Misr.
- Sultan, Salah al-Din. (1999). *Nafaqah al-Mar'ah wa Qadiyyah al-Musawat*. Kaherah: Dar Nahdah Misr.
- Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. (t.t.). *al-Mar'ah wa al-Rajul wa Khusum al-Islam*. Dar al-Nadwah. Iskandariah.
- Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. (t.t.). *al-Mar'ah fi al-Qur'an*. Mesir: Maktabah al-Sya,,rawi al- Islamiyyah.
- Syahrur, Muhammad. (1994). *al-Kitab wa al-Qur'an: Qira'ah Mu'asarah*. Damsyik: al-Ahali li al- Tiba'ah.
- Tabari, Abu Ja'far Muhammad b. Jarir al-. (2005). *Jami' al-Bayan'an Ta'wil Ayi al-Qur'an*. Kaherah: Dar Hajr.
- Usayd Salah 'Awdah Samhan. (2006). *'Aqd al-Sulh fi al-Mu'amalat al-Maliyyah fi al-Fiqh al-Islami*. Disertasi Sarjana. Palestin: Universiti al-Najah al-Wataniyah.

- Wadud, Amina. (1992). *Qur'an and Woman*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Wan Abdul Halim Wan Harun. (2011). *Mengurus Harta Pusaka: Asas Pembahagian Harta Cara Faraid*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Wazeer Jahan Karim. (1995). "Bilateralism and Gender in Southeast Asia" in Wazeer Jahan Karim (ed). *'Male' and 'Female' in Developing Southeast Asia*. Oxford: Berg Publishers.
- Wazeer Jahan Karim. (2002). Sexuality and Domination. *Women's Development Research Centre (KANITA)*. Pulau Pinang: t.p.
- Yudian Wahyudi. (2007). *Hasbi's Theory of Ijtihad in The Context of Indonesian Fiqh*. Yogyakarta: Pesantren Nawesea Press.
- Zainul Rijal Abu Bakar. (2017). *Ke Arah Penghayatan dan Pelaksanaan Faraid dan Hibah yang Sebenar*. Seminar Hibah vs Faraid pada 21 Oktober 2017 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM & Persatuan Guaman Hartanah Malaysia (HARTAGUAM).
- [https://berita.mediacorp.sg/mobilem/world/bahagi-harta-pusaka-secara-sama-rata-antara-wanita- dan-lelaki/3800582.html](https://berita.mediacorp.sg/mobilem/world/bahagi-harta-pusaka-secara-sama-rata-antara-wanita-dan-lelaki/3800582.html). Diakses pada 9 Oktober 2018.